PARTI POLITIK MALAYSIA

# Siapa kerajaan siapa pembangkang?



## Jenis parti dalam negara

Persatuan dan parti politik di Malaysia didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan diuruskan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia. Berikutan pergelutan politik, 25 Mei 2023, 9 negeri di Malaysia telah meluluskan "Undang-undang Anti-Bertukar Parti" atau "Undang-undang Anti-Lompat Parti" untuk bahagian ADUN dan Parlimen termasuk Sabah dan Sarawak.



### PARTI UTAMA I GABUNGAN I KOALISI

Parti-parti utama adalah senarai parti atau gabungan politik yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan 1966 yang kini mempunyai wakil di dalam Parlimen Malaysia atau Dewan Undangan Negeri.

### PARTI KOMPONEN

Parti-parti yang mempunyai ideologi dan fahaman tersendiri sama ada berhaluan kanan atau berhaluan kiri.

### PARTI TEMPATAN

Parti didaftarkan di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) yang aktif di peringkat sesebuah negeri atau wilayah sahaja serta ditubuhkan di dalam negeri atau wilayah berkenaan dan tidak berfokuskan kepada semua negeri di Malaysia. Parti tempatan juga mempunyai unsur sesebuah wilayah dan negeri di dalam lambang dan nama parti tersebut.

## KERAJAAN PERPADUAN

Kerajaan Perpaduan merupakan satu kerajaan yang menggabungkan wakil dari pelbagai politik menuntut parti dan semua pemimpin untuk mengenepikan kepentingan politik dan parti masing-masing demi kepentingan rakyat dan negara.

Ia ditubuhkan atas titah nasihat Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ekoran negara mengalami situasi Parlimen tergantung.

## Siapa kerajaan dan siapa pembangkang?

### KERAJAAN

- Pakatan Harapan — 82 (+ MUDA)
- Barisan Nasional — 30
- Gabungan Parti Sarawak (GPS) — 23
- Gabungan Rakyat Sabah (GRS) — 06
- Parti Warisan Sabah — 03
- Parti Bangsa Malaysia — 01
- Kesejahteraan Demokratik Masyarakat (KDM) — 01

### PEMBANGKANG

- Perikatan Nasional — 74

- Anda boleh layari laman sesawang parti-parti berkut untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut berkenaan pendirian, agenda dan gerak kerja mereka.



"Atas semangat untuk menyuburkan demokrasi serta melaksanakan peranan semak dan imbang yang berkesan di Parlimen, PN berpendirian tidak menyertai kerajaan yang diterajui Pakatan Harapan (PH).

"PN akan memainkan peranan sebagai pembangkang berwibawa untuk membawa suara rakyat ke Parlimen serta memastikan tadbir urus kerajaan yang berintegriti dan bebas rasuah selaras prinsip prihatin, bersih dan stabil"

*Tan Sri Muhyiddin Yassin*
*November 25, 2022*

TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG AL-SULTAN ABDULLAH

*ISTIADAT PEMBUKAAN PENGGAL KELIMA MAJLIS PARLIMEN KE-14*

"Gunung Kinabalu sama didaki,
Sungai Pahang sama direnang
Jikalau semua bersatu hati,
Kerja yang susah menjadi senang"